

24/12/2001

Pergolakan berpanjangan MCA boleh bawa musibah

Teh Kean Kiat

SENARIO perebutan kuasa dan kewujudan puak tertentu bukan perkara baru kerana ia berlaku hampir dalam semua parti politik di seluruh dunia. Persoalannya, adakah ia akan memecah-belahkan sebuah parti politik itu dan apakah cara paling berkesan untuk menyelesaikan masalah serta mengembalikan semula perpaduan dalam parti.

MCA, sebuah parti yang mewakili kepentingan kaum Cina dalam Barisan Nasional (BN) yang ditubuhkan pada 27 Februari 1949, juga tidak terlepas daripada senario perebutan kuasa penuh dramatik.

Pada 1958, Tun Dr Lim Chong Eu yang berjaya menewaskan Presiden MCA, Tun Tan Cheng Lock, terpaksa keluar daripada parti itu setahun kemudian dan menubuhkan parti lain (Gerakan) apabila beliau ditikam dari belakang oleh pemimpin MCA sendiri.

Pada 1982, Datuk Dr Neo Yee Pan yang dilantik pemangku Timbalan Presiden, adalah pembantu cekap presidennya, Tan Sri Lee San Choon.

Bagaimanapun, pelantikan Dr Neo itu menimbulkan suasana tidak puas hati dalam parti kerana beliau membantah gabungan politik dan ekonomi. Pada masa yang sama, wujud pula Tan Koon Swan yang ada kaitan dengan Multi-Purpose Holdings Berhad dan ia mendapat tentangan hebat daripada Dr Neo.

Kedua-dua puak bertelagah sehingga April 1983 apabila San Choon berundur daripada arena politik dan tempatnya digantikan Dr Neo.

Pergolakan dalam parti semakin serius sehingga Koon Swan menuduh Dr Neo sebagai dalang yang mewujudkan ahli hantu bagi memenangi pemilihan parti pada 1984.

Kemarahan Dr Neo yang semakin memuncak menyaksikan beliau menggunakan perlembagaan untuk menyingkirkan Koon Swan dan 13 penyokongnya, (termasuk Presiden MCA sekarang, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan bekas Timbalan Presiden, Tan Sri Lee Kim Sai) daripada parti itu pada Mac 1984.

Perpecahan dalam MCA semakin ketara dan BN terpaksa melantik Setiausaha Agungnya ketika itu, Tun Ghafar Baba bertindak sebagai orang tengah.

Bagaimanapun, usaha itu nampaknya tidak dihargai Dr Neo, malah beliau mengkritik tindakan itu sebagai orang luar tidak harus campur tangan dalam hal ehwal MCA.

Tindakan Dr Neo itu membawa padah kepadanya apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melucutkan jawatannya dalam Kabinet pada 17 Ogos 1985.

Keberanian Dr Neo itu tidak dapat bertahan lama apabila beliau kalah teruk kepada Koon Swan pada pemilihan parti, 24 November 1985.

Nasib Koon Swan pun tidak jauh bezanya dengan Dr Neo kerana beliau terbabit dalam skandal pecah amanah yang memaksanya melepaskan jawatan dalam parti itu pada September 1986.

Maka, bermulalah satu lagi bab perebutan kuasa yang tidak kurang hebatnya apabila Kim Sai yang lebih berpengalaman memberi laluan kepada Dr Ling untuk memegang jawatan Presiden MCA dan beliau sebagai timbalannya.

Bagaimanapun, keadaan mula berubah apabila Dr Ling melantik penyokongnya dalam pucuk pimpinan parti dan Kim Sai pun `naik angin' dengan tindakan itu. Malangnya `dendam' Kim Sai itu tidak terbalas apabila sokongan terhadapnya yang hanya kuat di Selangor memaksa beliau bersara lebih awal daripada politik.

Akhir 90-an menyaksikan kemunculan isu sama apabila Timbalan Presiden, Datuk Lim Ah Lek tidak puas hati dengan tindakan Dr Ling yang gagal menunaikan janji untuk memberi jawatan menteri dalam Kabinet kepada anak

didiknya yang juga Naib Presiden, Datuk Chan Kong Choy selepas pilihan raya umum 1999.

Kemarahan Ah Lek yang pada mulanya hanya berada di peringkat pucuk pimpinan parti mula merebak kepada Pemuda dan Wanita apabila wujud dua puak dalam parti itu yang dikenali Kumpulan A (penyokong Dr Ling) dan B (penyokong Ah Lek).

Perpecahan dalam MCA semakin ketara apabila MCA mengambil alih Nanyang Press Holdings Bhd (Nanyang Press) yang menerbitkan dua akhbar berbahasa Cina, Nanyang Siang Pau dan China Press (antara akhbar aliran utama untuk masyarakat Cina di negara ini) pada awal tahun ini.

Isu yang berlanjutan lebih tiga bulan itu mula membakar semangat Pemuda MCA apabila pemimpinnya yang berbeza pendapat mula mengadakan tindakan cabar-mencabar antara satu sama lain.

Mesyuarat agung luar biasa (EGM) pergerakan itu, 23 Jun lalu menyaksikan perwakilan meluluskan usul yang membantah badan induk mengambil alih Nanyang Press.

Semangat memberontak semakin memuncak apabila Perhimpunan Agung Pemuda MCA, 3 Ogos lalu menyaksikan tindakan 'samseng dan tidak bertamadun' sebahagian kecil perwakilannya 'berkung-fu' (membuang kerusi) di dalam dewan.

Perhimpunan itu kemudian turut meluluskan usul tergepar untuk memecat penyokong Dr Ling, iaitu Naib ketuanya, Loh Seng Kok dan Setiausaha Agung, Senator Yew Teong Look yang kemudian disangkal oleh Majlis Presiden MCA pada 7 Disember lalu.

Kepemimpinan dan taktik Dr Ling mula terserlah apabila beliau dan penyokongnya dalam Majlis Presiden meluluskan penubuhan Jawatankuasa Penyiasatan Veteran MCA pada 8 Oktober lalu bagi menyiasat pergaduhan pada Perhimpunan Agung Pemuda parti itu.

Tidak lama kemudian, Majlis Presiden pada 16 Oktober lalu, meluluskan pelantikan enam veteran parti bagi menganggotai jawatankuasa penyiasatan itu yang diketuai bekas Naib Presiden MCA, Datuk Kam Woon Wah.

Penubuhan jawatankuasa itu disifatkan oleh sesetengah pihak sebagai melampaui batas kerana MCA sendiri mempunyai Lembaga Disiplin yang bertanggungjawab mengendalikan kes melanggar peraturan parti.

Jawatankuasa itu sememangnya tidak menghampakan ramalan ahli parti dan masyarakat Cina apabila mereka memberi kuasa kepada pucuk pimpinan parti untuk mengambil tindakan terhadap Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat, Yew dan Pengerusi Tetap Pemuda MCA, Lim Hong Sang. Ong yang dituduh sebagai dalang pergaduhan 3 Ogos lalu itu bagaimanapun bernasib baik apabila beliau hanya digantung.

Ini bermakna, jika beliau digantung sekurang-kurangnya enam bulan, hasratnya untuk bertanding pada pemilihan parti tahun depan turut musnah.

Justeru, Ong harus bersyukur kerana tidak menurut jejak Naib Presiden parti yang juga Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng yang disingkir daripada jawatannya sebagai Pengerusi MCA Kedah, 3 Oktober lalu.

Bagaimanapun, hasrat Kumpulan B untuk mengadakan EGM bagi memilih semula barisan kepemimpinan baru Pemuda MCA hancur apabila Jawatankuasa Pusat (CC) badan induk pada Khamis lalu mengumumkan penggantungan serta-merta CC pergerakan itu dan sebahagian undang-undang kecilnya selain tugas dan tanggungjawab Pemuda MCA diambil alih oleh jawatankuasa khas tiga anggota.

Penggantungan itu mempunyai kebaikan dan keburukannya. Kebaikannya ialah penggantungan itu tidak sekejap yang diramalkan sebelum ini kerana ia memberi ruang, khususnya kepada pucuk pimpinan parti bernafas apabila 'bunyi-bunyi bising' sudah dihentikan sementara waktu.

Sebelum ini, ahli CC dalam pergerakan Kumpulan A dan B saling membalas 'tembakan' dan mengadakan sidang akhbar berasingan hampir setiap hari. Bagaimanapun, dari satu sudut lain, matlamat penggantungan sebahagian

undang-undang kecil membawa mesej jelas yang bertujuan memberi satu saluran `sah' kepada Kumpulan A untuk meluluskan penubuhan cawangan dan bahagian bagi menambah kekuatannya serta menghalang EGM diadakan.

Penggantungan itu turut memberi tamparan hebat kepada Kumpulan B kerana Ah Lek dan penyokongnya bagaikan burung kehilangan sebelah sayapnya yang mana pergerakan itu menyumbang tenaga paling banyak dalam kegiatan menentang Kumpulan A.

Justeru, tindakan segera yang perlu diambil oleh Ong dan penyokongnya ialah mencari seramai mungkin ahli baru bagi menguatkan benteng pertahanan kubunya berikutan kedudukan beliau yang semakin terugut.

Ini kerana, jawatankuasa khas itu yang bermesyuarat buat pertama kalinya, Jumaat lalu berjanji akan berlaku adil dalam meluluskan semua permohonan penubuhan cawangan dan bahagian Pemuda yang mematuhi syarat, sebelum akhir tahun ini.

Ong yang sebelum ini mengakui tidak berani meramalkan masa depannya dalam bidang politik, harus merebut peluang untuk meraih sokongan bagi mempertahankan jawatannya dalam Pemuda MCA.

Selain itu, Ah Lek dan penyokongnya pula boleh menggunakan emosi masyarakat Cina dan perwakilan untuk mendapat sokongan serta simpati mereka melalui siri perjumpaan di seluruh negara menjelang pemilihan parti tahun depan.

Bagaimanapun, pergolakan sedia ada mungkin tidak dapat diselesaikan dalam pemilihan parti tahun depan jika pucuk pimpinan masih mempunyai serpihan pemimpin daripada puak lain.

Dalam masa terdekat ini, MCA harus mencari satu formula sementara bagi merapatkan jurang antara dua puak itu berikutan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan, Perlis akan diadakan tidak lama lagi.

Sebagai parti terbesar yang mewakili masyarakat Cina di negara ini, MCA tidak harus menjadikan diri mereka sebagai mangsa kepada parti pembangkang yang akan menggunakan apa saja helah dan isu untuk meraih kemenangan pada pilihan raya kecil itu.

Pilihan raya kecil itu bakal menjadi medan ujian untuk menentukan sejauh mana sokongan masyarakat Cina terhadap MCA dan apakah sejarah di Lunas akan berulang di Indera Kayangan.

Yang penting ialah apakah iktibar yang diperoleh pemimpin dan ahli MCA daripada setiap pergolakan dan perpecahan dalam parti sejak ditubuhkan setengah abad lalu?

Adakah mereka sudah lupa kenangan pahit pada tahun 80-an apabila perpecahan dalam parti itu membuka ruang kepada DAP untuk mengembangkan pengaruhnya yang meradikalkan politik kaum Cina ketika itu?